

# **HUBUNGAN LAMAN RANGKAIAN MEDIA SOSIAL, LAMAN WEB SYARIKAT DAN LAMAN PORTAL KERJAYA DENGAN STRATEGI PENCARIAN KERJA DI KALANGAN PELAJAR TAHUN AKHIR FAKULTI PENGURUSAN DAN MUAMALAH,KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR**

**RAZFIQA RAZALI**  
[razfiqarazali96@gmail.com](mailto:razfiqarazali96@gmail.com)

**NUR FIKHRIAH TAKRIL**  
[nurfikhriah@kuis.edu.my](mailto:nurfikhriah@kuis.edu.my)

**SAFURA AHMAD SABRI**  
[safura@kuis.edu.my](mailto:safura@kuis.edu.my)

## **ABSTRAK**

Pencarian kerja secara atas talian semakin popular terutamanya di kalangan generasi kini. Ia nya merupakan alternatif yang menjadi pilihan berbanding kaedah pencarian kerja yang lama melalui iklan di akhbar dan hebahan “flyers”. Berikutan itu, persaingan di antara laman pencarian kerja juga menjadi semakin sengit bagi mengejar rating di internet. Rentetan itu, penting untuk mengukur kesedaran pelajar tahun akhir dalam menyusun strategi bagi pemilihan kerjaya. Objektif kajian ini adalah untuk mengukur tahap kesedaran pelajar tahun akhir untuk mendaftar sebagai pengguna laman pencarian kerja dan juga mengenal pasti hubungan di antara penggunaan laman rangkaian media sosial, laman web syarikat dan laman portal kerjaya dengan strategi pencarian kerja secara atas talian di kalangan pelajar tahun akhir. Kajian ini menggunakan Google Form yang diedarkan kepada 260 orang responden yang terdiri daripada pelajar tahun akhir Fakulti Pengurusan Muamalah,Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Hasil kajian dianalisis dengan menggunakan aplikasi SPSS (Statistical Package for Social Science versi 23). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa responden sedar dan menggunakan pencarian kerja secara atas talian bagi memperolehi kerja selepas tamat pengajian. Dapatkan kajian juga mendapat ketiga-tiga boleh ubah mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan strategi pencarian kerja secara atas talian di kalangan pelajar tahun akhir.

**Kata kunci:** *Pencarian Kerja, Atas Talian, Laman Rangkaian Media Sosial, Laman Web Syarikat, Laman Portal Kerjaya*

## **PENGENALAN**

Usai tamat pengajian, perkara utama yang menjadi perhatian dan kegusaran di kalangan graduan adalah untuk mendapatkan pekerjaan. Berbekalkan segulung ijazah, pengetahuan dan ilmu yang dituntut di universiti menjadi taruhan dalam persaingan alam pekerjaan. Terutama di zaman

siber kini yang pantas, canggih dan sophisifikated menuntut kemahiran dan kepekaan graduan dalam merebut pekerjaan yang diidamkan. Renteten itu, graduan disarankan perlu peka dengan perkembangan terkini dalam bidang pekerjaan dalam usaha mencari pekerjaan. Selain daripada ilmu teoritikal yang dipelajari, graduan juga dituntut untuk mempunyai kelebihan dan kemahiran di luar lingkup kuliah dan tutorial yang mana menepati ciri-ciri yang dicari oleh majikan. Kriteria yang menonjol dan menjadi pemerhatian majikan sudah pasti akan menjadi batu loncatan kepada graduan dalam menempatkan diri di alam pekerjaan sejajar dengan kelayakan dan kemahiran yang dimiliki. Simbiosis ini penting supaya majikan merasakan pemilihan pekerja adalah setara dengan tugas yang diberikan.

Zaman kian berubah, corak pemikiran, budaya dan teknologi berubah mengikut peredaran zaman. Proses pencarian kerja di zaman dahulu lebih tertumpu kepada iklan-iklan yang terdapat di dada akhbar dan lembaran iklan yang diedarkan. Namun kini, teknik pencarian kerja seperti yang diperlakukan dahulu semakin dilupakan, graduan dan majikan kini memilih kaedah atas talian sebagai kaedah mencari dan menawarkan peluang pekerjaan di mana kaedah ini lebih pantas, mudah dan menjimatkan. Berikut itu, ramai graduan masa kini bergantung pada kaedah atas talian untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan. Kebanyakan graduan memilih kaedah atas talian untuk mencari kerja kerana ia menjimatkan kos dan masa di mana mereka tidak perlu pergi dari satu tempat ke tempat yang lain kerana mereka boleh memohon pekerjaan bila-bila masa dan di mana saja dengan menggunakan ‘job tools’ seperti laman web syarikat, portal kerjaya dan banyak lagi. Namun kaedah atas talian ini memerlukan kepekaan dalam memburu kerjaya berikutan terdapat pelbagai laman web yang berlumba-lumba menawarkan kepelbagaiannya bidang pekerjaan untuk graduan.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kepantasan perubahan teknologi kini dengan kemajuan sistem internet yang kini menjadi keperluan dalam kehidupan seharian memerlukan graduan peka dan cakna dengan keperluan bidang pekerjaan. Namun, graduan kini seakan tenggelam dengan kebiasaan di mana hanya menunggu maklumat peluang pekerjaan berbanding berusaha mencari ruang dan peluang pekerjaan (S.Venkata, 2016). Kebanjiran maklumat di internet menjadikan graduan lebih selesa menunggu *news feed* di aplikasi telefon pintar seperti *what's app* dan media sosial dalam mencari pekerjaan. Berdasarkan permasalahan ini, dapat diidentifikasi yang graduan mempunyai kekurangan dalam pengetahuan asas portal kerja atas talian seperti cara bagaimana untuk memanfaatkan portal kerjaya, bagaimana untuk mendaftar dan memasarkan kelayakan yang mereka perolehi. Segelintir juga, mungkin tidak peka dan cakna dengan kepelbagaiannya kaedah pencarian kerja atas talian yang digunakan oleh majikan dalam memburu bakat-bakat baru. Leka dan mengambil endah ini menyebabkan graduan hilang peluang merebut pekerjaan dalam bidang yang diidamkan dan akhirnya hanya memilih pekerjaan yang dirasakan sebagai pilihan terakhir. Berikut ini, graduan perlu menyusun strategi dalam merebut peluang pekerjaan kerana persaingan sengit dikalangan institusi pengajian tinggi awam dan juga swasta.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Berkisar daripada permasalahan kajian, kajian ini bertujuan untuk merungkai beberapa persoalan bagi mengukur tahap kesedaran dan pengaruh medium pencarian kerja yang digunakan graduan dalam menyusun strategi pencarian kerja.:

1. Apakah tahap kesedaran pelajar tahun akhir dalam menyusun strategi pencarian pekerjaan?

2. Adakah penggunaan media sosial, laman web syarikat dan portal kerjaya mempunyai hubungan dengan pencarian kerja atas talian?

Berdasarkan persoalan kajian membawa kepada objektif kajian untuk:

1. Mengukur tahap kesedaran pelajar tahun akhir dalam menyusun strategi pencarian kerja.
2. Mengenal pasti hubungan diantara media sosial, laman web syarikat dan portal kerjaya dalam pencarian kerja secara atas talian.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini memberi tumpuan kepada kesedaran pelajar tahun akhir dalam pencarian kerja secara atas talian. Fokus kajian adalah tertumpu kepada pengaruh media sosial, laman web syarikat dan portal kerjaya sebagai strategi yang sepatutnya telah disusun oleh bakal graduan bagi membina kerjaya sejurus tamat pengajian.

Oleh kerana kajian ini memberi perhatian terhadap penjelasan hubungan antara laman rangkaian media sosial, laman web syarikat dan portal kerjaya dalam strategi mencari kerja dikalangan bakal graduan, ianya dapat membuka minda dan memupuk kesedaran dikalangan bakal graduan kepentingan untuk menyusun strategi pencarian kerja berikutan persaingan sengit dikalangan lepasan graduan di institusi pengajian tinggi. Jadi, modul yang lebih efektif dapat dibentuk dan dikenal pasti untuk membantu graduan yang memerlukan nasihat dan bimbingan untuk mencari peluang pekerjaan pada masa akan datang.

## **SKOP KAJIAN**

Kajian ini ditulis untuk mengkaji persepsi para pelajar tahun akhir mengenai kesan penggunaan atas talian untuk mendapatkan pekerjaan. Kajian adalah lebih tertumpu kepada pelajar tahun akhir fakulti pengurusan dan muamalah. Para responden menjawab melalui skala likert bagi menunjukkan tahap persetujuan terhadap laman rangkaian media sosial, laman web syarikat dan portal kerjaya dalam usaha mencari pekerjaan setelah bergraduat.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **PENGENALAN**

Tinjauan literatur ini membantu penyelidik membangunkan rangka kerja konseptual bagi kajian ini. Teori yang berkaitan daripada penyelidikan terdahulu adalah penting untuk kajian masa kini. Bab ini membincangkan mengenai definisi yang boleh ubah tak bersandar dan boleh ubah bersandar dengan kajian terdahulu sebagai rujukan.

### **ATAS TALIAN**

Majikan dan pencari kerja telah menggunakan medium atas talian sebagai kaedah pengiklanan dan pencarian peluang pekerjaan (Peter J Kuhn, 2014). Dalam era globalisasi dan internet ini membuktikan medium atas talian mempunyai kesan boleh diukur dalam pencarian kerja dikalangan pencari kerja bagi meraih peluang pekerjaan. Pengambilan kerja secara atas talian telah menjadi platform penting untuk memburu bakat terbaik (Seema, 2018). Medium atas talian seperti media sosial lama web syarikat dan portal kerjaya adalah diantara platform yang dirujuk dalam pencarian kerja. Namun kebanjiran platform ini memberikan peluang, ruang dan pada masa yang sama kekurangan kepada pencari kerja.

### **KAEDAH ATAS TALIAN**

Terdapat beberapa kaedah atas talian untuk mencari kerja yang akan dibincangkan iaitu merupakan laman rangkaian media sosial, laman web syarikat dan portal kerjaya. Definisi ini adalah seperti berikut:

#### **Laman rangkaian media sosial**

Laman rangkaian media sosial adalah platform terbaik untuk mengikuti perkembangan urusan semasa dalam sektor organisasi, di mana ia menyediakan pencari kerja dengan kandungan atau maklumat dalam permohonan mereka dan mewujudkan tanggapan positif terhadap organisasi dan syarikat.

Terdapat beberapa laman rangkaian media sosial, contohnya Twitter, Facebook, dan LinkedIn. Melalui laman ini, individu boleh sahaja pergi ke link blog, laman web, video dan Laman imejan seperti Instagram, Facebook dan YouTube. Ia adalah berbeza pada bagaimana ia digunakan untuk kegunaan peribadi dan kapasiti profesional. Pengguna dan pencari kerja mungkin ingin mencipta akaun berasingan untuk kehidupan peribadi dan profesional mereka. Mereka juga boleh melaraskan tetapan privasi mereka pada akaun tertentu yang mereka ingin simpan untuk kegunaan peribadi.

#### **Portal kerjaya**

Pelbagai faktor yang menjadi kaedah yang diutamakan untuk mencari kerja secara atas talian dalam penggunaan portal kerjaya. Beberapa penyelidik sebelum ini telah memberi tumpuan kepada beberapa aspek untuk menarik pencari kerja yang merupakan kualiti maklumat yang disediakan oleh portal kerjaya dari segi ketelusan, keberkesanan kos, keselamatan dan kerahsiaan, daya tarikan dan keberkesanan portal kerjaya. Pengkaji cuba untuk memahami pendapat pencari kerja tentang atas talian yang mana faktor yang dianggap paling banyak mempengaruhi graduan untuk mencari peluang pekerjaan melalui portal kerjaya dalam berbanding dengan sumber lain.

Menurut Miroslav (2016), yang ditulis dalam Mang (2012), portal kerjaya menerima beberapa kekosongan kerja dan resume yang berfungsi sebagai platform penting kepada pasaran buruh. Walau bagaimanapun, ia menghairankan bahawa data ini tidak digunakan

dengan lebih meluas untuk mengkaji aspek permintaan pasaran buruh dan bekalan di kalangan pencari kerja. Objektif portal kerjaya adalah untuk menyediakan platform bagi permintaan dan bekalan di kalangan pemohon dan majikan pekerjaan atau organisasi untuk bertemu, di mana data jarang disimpan dan digunakan sebagai input untuk menganalisis trend pasaran buruh dan perkembangan dalam pasaran buruh yang ketat ini.

## METODOLOGI KAJIAN

### REKA BENTUK KAJIAN

Penyelidikan deskriptif digunakan untuk mengenal pasti dan memperoleh maklumat mengenai ciri – ciri isu tertentu seperti masyarakat, kumpulan atau orang. Penyelidikan deskriptif digambarkan sebagai fenomena yang wujud dan juga dikenali sebagai penyelidikan statistik. Soal selidik direka dalam kajian ini telah diterima dari penyelidikan terdahulu, ia adalah dipercayai untuk memperoleh pengumpulan maklumat dari sampel terpilih. 73 responden dalam kajian ini telah dipilih untuk membala dan menjawab soalan pada satu masa untuk penyelidikan ini. Selanjutnya, analisis dan kaedah kuantitatif dalam pengumpulan data telah digunakan dalam kajian ini untuk menggambarkan hubungan linear diantara dua atau lebih pemboleh ubah dengan penggunaan dalam Pakej Statistik untuk Sistem Sains Sosial (SPSS) untuk analisis kesemua data yang diperoleh daripada responden. Soal selidik dirancang dan disampaikan oleh penyelidik dengan perkataan yang sederhana dan tidak berat sebelah di mana responden dapat memahami soalan dengan mudah dan memberi jawapan berdasarkan persepsi mereka sendiri.

Soal selidik ini dibahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama, terdiri daripada profil demografi responden, manakala bahagian kedua terdiri daripada beberapa bahagian mengenai pemboleh ubah tak bersandar yang merupakan laman rangkaian media sosial, laman web syarikat dan portal kerjaya dan pemboleh ubah bersandar adalah pencarian kerja atas talian. Terdapat beberapa soalan untuk setiap pemboleh ubah. Kajian ini memberi tumpuan kepada hasil yang akan diperoleh daripada responden pada bahagian pertama yang mengandungi pemboleh ubah demografi dan pemboleh ubah bersandar iaitu atas talian dan hanya pemboleh ubah tak bersandar dari laman rangkaian media sosial, laman web syarikat dan portal kerjaya pada bahagian kedua adalah analisis.

Soal selidik dalam talian mengandungi 36 soalan. Soal selidik ini menggunakan skala normal untuk bahagian pertama dan bahagian kedua menggunakan skala likert skala lima mata daripada 1= sangat tidak setuju hingga 5= sangat setuju. Selain itu, tajuk utama disediakan untuk menekankan objektif kajian, tujuan kajian dan jaminan kerahsiaan maklumat yang diberikan kepada responden.

### KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data telah dijalankan melalui soal selidik dalam talian melalui “*Google Form*”. Pengedaran pautan “*Google Form*” kepada pelajar tahun akhir Fakulti Pengurusan Muamalah KUIS telah dilakukan melalui “*Whatsapp*”. Sampel dipilih berdasarkan kumpulan “*Whatsapp*” pelajar tahun akhir KUIS yang berlainan kursus. Responden diberi masa 5-10 minit untuk menjawab soal selidik. Tempoh pengumpulan data bermula dari 5 September 2020 hingga 3 Oktober 2020.

Skop kajian ini adalah terhad kepada sampel ( $n = 132$ ) yang terdiri daripada penyertaan pelajar tahun akhir dari KUIS.

## **KAEDAH PERSAMPLEAN**

Saiz sampel telah ditentukan dengan mengenal pasti kaedah pensampelan yang sesuai untuk kajian ini. Menurut Ilker Etikan, Sulaiman Abubakar Musa dan Rukayya Sunusi Alkassim (2015), persampelan mudah ia adalah sejenis pensampelan bukan kebarangkalian atau tidak rawak di mana ahli sasaran populasi. Ia perlu memenuhi kriteria praktikal tertentu untuk tujuan kajian. Sebagai contoh, ketersediaan pada waktu tertentu, kemudahan akses yang mudah, kesediaan untuk menyertai atau kedekatan geografi.

Ia juga dirujuk kepada populasi yang mudah di akses untuk penyelidik. Oleh itu, sampel diperoleh daripada 7 kursus pelajar tahun akhir fakulti pengurusan muamalah KUIS iaitu Pentadbiran Perniagaan dengan E-Dagang, Pengurusan Sumber Insan, Ekonomi dan Kewangan, Perakaunan, Kewangan Islam, Komunikasi dan Pengajian Bahasa Inggeris adalah seramai 132 pelajar dan kajian berjaya memperoleh seramai 73 responden.

## **INSTRUMEN KAJIAN**

Soal selidik dalam talian iaitu “*Google Form*” telah digunakan untuk tinjauan ini dalam Bahasa Malaysia untuk memastikan bahawa responden dari pelajar tahun akhir KUIS memahami semua soalan yang disediakan dengan mudah. Bahasa Malaysia yang mudah difahami digunakan untuk mengurangkan risiko salah faham semasa sesi menjawab daripada responden dan membuatkan data boleh dipercayai.

## **KAJIAN RINTIS**

Kajian rintis dijalankan untuk mengenal pasti keboleh percayaan soalan kaji selidik. Seramai 30 orang pelajar dipilih secara rawak. Pelajar yang dipilih ialah pelajar tahun akhir di KUIS. Kajian rintis ini bertujuan untuk memperoleh kebolehpercayaan terhadap item-item yang terdapat dalam soal selidik. Secara keseluruhan soalan kaji selidik ini telah mencapai tahap Cronbach Alpha yang baik sekitar 0.7 hingga 0.89 bagi semua pemboleh ubah dalam kajian.

## **ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

### **Demografi**

Secara keseluruhan, kajian telah disertai oleh 73 responden di FPM, KUIS dengan lelaki sebanyak 12.5% dan perempuan 87.5%. dari segi pecahan program kursus terdapat tujuh kursus iaitu Pentadbiran Perniagaan Dengan E-Dagang, Pengurusan Sumber Insan, Ekonomi Dan Kewangan, Perakaunan, Kewangan Islam, Komunikasi dan Bahasa Inggeris. Daripda responden yang menjawab soalan, 1.4% adalah dari kursus Pentadbiran Perniagaan Dengan E-Dagang, 50.7% pula adalah daripada kursus Pengurusan Sumber Insan, selain itu 1.4% adalah daripada Ekonomi dan Kewangan, Perakaunan pula merangkumi 20.5% daripada responden, 11% daripada responden ialah Kewangan Islam, manakala Komunikasi pula 9.6% dan Bahasa Inggeris 5.5%.

### **Dapatkan kajian**

Hasil kajian mendapati, penggunaan laman rangkaian media sosial mempengaruhi kesedaran pelajar tahun akhir dalam pencarian kerja secara atas talian. Dapatkan kajian menemui hubungan yang signifikan yang positif pada tahap sederhana dengan nilai korelasi 0.647 dan nilai signifikan 0.000. Melalui dapatan kajian ini dapat disimpulkan penggunaan laman rangkaian media sosial mempunyai hubungan dengan pencarian kerja secara atas talian.

Hasil ujian korelasi juga mendapati penggunaan laman web syarikat adalah hubungan positif yang sederhana dan signifikan pada nilai 0.000 dalam mempengaruhi kesedaran pelajar dalam pencarian kerja secara atas talian. Nilai korelasi yang didapati adalah sebanyak 0.627. Maka dengan itu, terdapat hubungan diantara penggunaan laman web syarikat dengan pencarian kerja secara atas talian.

Analisis korelasi bagi penggunaan laman portal kerjaya juga menunjukkan hubungan signifikan di tahap yang sederhana iaitu pada nilai 0.503 dengan nilai signifikan 0.000 terhadap kesedaran pelajar tahun akhir dalam pencarian kerja secara atas talian. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah penggunaan laman portal kerjaya juga mempunyai hubungan signifikan dengan kesedaran pelajar tahun akhir dalam pencarian kerja secara atas talian.

## **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan ujian Korelasi Pearson, penggunaan laman rangkaian media sosial mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesedaran pelajar tahun akhir dalam pencarian kerja secara atas talian. Daripada analisis korelasi menunjukkan penggunaan laman rangkaian media sosial berada pada tahap sederhana merangkap yang tertinggi ( $0.647, p < 0.05$ ).

Bagi menjawab persoalan dan objektif kajian seterusnya, penggunaan laman web syarikat mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesedaran pelajar tahun akhir dalam pencarian kerja secara atas talian. Daripada analisis korelasi menunjukkan penggunaan laman web syarikat berada pada tahap sederhana merangkap yang kedua tertinggi ( $0.627, p < 0.05$ ).

Berdasarkan Jadual Korelasi Pearson seterusnya, penggunaan laman portal kerjaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesedaran pelajar tahun akhir dalam pencarian kerja secara atas talian. Daripada analisis korelasi menunjukkan penggunaan laman portal kerjaya juga turut berada pada tahap sederhana ( $0.503, p < 0.05$ ).

## **KESIMPULAN**

Bagi keseluruhan, kajian telah menjawab persoalan kajian iaitu terdapat hubungan yang signifikan terhadap penggunaan laman rangkaian media sosial, laman web syarikat, laman portal kerjaya dengan kesedaran pelajar tahun akhir KUIS dalam pencarian kerja secara atas talian. Selain itu, penggunaan laman rangkaian media sosial adalah yang paling mempengaruhi kesedaran pelajar tahun akhir KUIS dalam pencarian kerja secara atas talian.

## RUMUSAN

Dapatan kajian ini berkait dengan pendapat Kaplan dan Haenlein (2010) yang menyatakan bahawa media sosial ialah satu kumpulan aplikasi Internet yang membina asas ideologi dan teknologi Web 2.0, dan memberikan penciptaan dan pertukaran dalam kandungan yang dihasilkan pengguna. Dalam erti kata pertukaran maklumat organisasi dan maklumat pencarian pekerja dalam syarikat yang dikongsikan di laman rangkaian media sosial merupakan medium yang paling memberi kesan kepada strategi pencarian kerja.

Berdasarkan dapatan kajian, ketiga-tiga pemboleh ubah mempunyai hubungan dengan strategi pencarian kerja secara atas talian. Dapatan kajian menemui penggunaan laman rangkaian media sosial, penggunaan laman web syarikat dan laman portal kerjaya mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan pencarian kerja secara atas talian. Secara terperinci, kategori penggunaan laman rangkaian media sosial adalah sangat signifikan pada nilai 0.647, diikuti dengan penggunaan laman web syarikat pada nilai 0.627 dan penggunaan laman portal kerjaya pula pada nilai 0.503.

Penggunaan laman rangkaian media sosial sememangnya memberi impak yang besar dalam pencarian kerja secara atas talian. Hal ini disebabkan pencarian kerja melalui laman rangkaian media sosial sangat memudahkan pencarian kerja pada masa kini. Pencarian yang menjimatkan masa, tenaga dan ini sering menjadi tumpuan pelajar untuk mencari pekerjaan melalui platform ini. Ianya turut disumbangkan oleh kekerapan mengunjungi laman media sosial berbanding laman web yang lain.

Menurut S Venkata (2016), pencari kerja mempunyai kekurangan dalam pengetahuan atas portal kerja atas talian dengan cara bagaimana untuk memanfaatkan portal kerjaya, bagaimana untuk mendaftar di sebuah laman web dengan semua kelayakan yang mereka ada. Berikut itu, para graduan kurang memanfaatkan portal kerjaya dalam usaha pencarian pekerjaan.

## Rujukan

Bernard J. Jansen, Karen J. Jansen and Amanda Spink (2005) “Using the web to look for work: Implications for online job seeking and recruiting” *Internet Research*, Vol. 15 No. 1, pp. 49-66

Commonwealth Corporation publication (2016) “The Job Seeker’s Challenge: The Impact of Online Application & Assessment” artikel daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/12345678.pdf> (dimuatkan pada 12 Januari 2019)

Francesca Mochi, Rita Bissola and Barbara Imperatori (2017) “Professional and Non-Professional Social Media as Recruitment Tools: The Impact on Job Seekers’ Attraction and Intention to Apply.” *Journal of Transnational Management* 20(1):31-49

Katherine Blanton (2019) “What is the biggest challenge in online job searching” artikel daripada <https://www.quora.com/> (dimuatkan pada 12 Jun 2019)

Laxmikant Manroop and Julia Richardson (2013) “Using Social Media for Job Search: Evidence from Generation Y Job Seekers” *Social Media in Human Resources Management (Advanced Series in Management*, Vol. 12), Emerald Group Publishing Limited, Bingley, pp. 167-180.

Nickolas Ollington, Jenny Gibb and Mark Harcourt (2013) “Online social networks: an emergent recruiter tool for attracting and screening” *Personnel Review*, Vol. 42 No. 3, pp. 248-265. <https://doi.org/10.1108/00483481311320390>

Shahidah Binti Sokri (2019) “Perceptions of Business students in UiTM Puncak Alam on usage of online tools for job seeking” tesis pengajian akhir ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan

“Career Builder: Teori Pemilihan Kerjaya Holland” artikel daripada <http://goalscareer.blogspot.com/2015/11/teori-pemilihan-kerjaya-holland.html> (dimuat turum pada 8 April 2019)